

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd
Fakeh [Sabak Bernam]**

**SOALAN : Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd
Fakeh minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
setakat manakah pemberian tambahan
tunai RM50 setiap satu tan padi bersih
sebagai insentif input pengeluaran padi
kepada pesawah mampu meningkatkan
hasil padi bermutu dan setakat manakah
sistem Pengredan Stardard bagi seluruh
negara dapat menyelesaikan masalah
pemotongan berlebihan padi oleh pembeli
terutama Padiberas Nasional Berhad
(BERNAS).**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Insentif Input Pengeluaran Padi (IIPP) merupakan salah satu program yang diumumkan dalam perutusan khas Perdana Menteri tentang pengubahsuaian bajet 2016 pada 28 Januari 2016 lalu di mana Kerajaan menyediakan tambahan tunai sebanyak RM50 bagi setiap 1 tan metrik padi bersih, sebagai insentif input pengeluaran padi. Pelaksanaan IIPP ini mampu meningkatkan pendapatan petani sekaligus akan menggalakkan petani untuk berusaha ke arah peningkatan hasil padi yang bermutu.

Kementerian sedang merangka satu Peraturan baharu mengenai penggredan padi bagi memastikan proses pemutuan padi dilaksanakan dengan lebih teratur. Di bawah Peraturan tersebut, semua pemegang lesen membeli padi perlu mematuhi standard yang telah ditetapkan bagi membuat pemutuan padi. Peraturan ini masih di peringkat gubalan dan dijangka dapat dilaksanakan pada tahun hadapan.

SULIT

SOALAN: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI IRMOHIZAM
BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

SOALAN : 81

YB Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah BTN sebagai sebahagian daripada proses penjenamaan semula akan fokus kepada elemen patriotisme termasuk menjadikannya sebahagian daripada modul latihan memandangkan semangat patriotisme dilihat luntur sehingga wujud insiden di mana terdapat rakyat Malaysia yang sanggup melucutkan kerakyatan untuk mendapatkan kewarganegaraan negara lain.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Biro Tatanegara (BTN) menyambut baik proses penjenamaan semula ini dengan memberi fokus kepada Pendidikan Kenegaraan dalam menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

Menerusi penjenamaan semula ini, BTN akan menjadi peneraju dalam Pendidikan Kenegaraan. Disiplin utama kurikulum BTN perlu berdasarkan Konsep Negara yang menekankan elemen-elemen seperti Wilayah (Tanah), Penduduk (Warganegara), Pentadbir (Kerajaan) dan Kedaulatan. Disiplin utama tersebut akan diterapkan di dalam Pendidikan Kenegaraan tanpa mengenepikan Rukun Negara, Perlembagaan Persekutuan dan Dasar-dasar Negara seperti Wawasan 2020 dan Gagasan 1Malaysia.

Konsep Negara ini penting untuk diperjelaskan dan difahami oleh rakyat Malaysia khususnya generasi muda agar semangat patriotisme tidak luntur kerana ia merupakan asas kepada pembentukan sesebuah Negara.

Menerusi perbincangan dalam dua (2) siri Meja Bulat yang telah dihadiri oleh ahli panel yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti ahli akademik, ahli politik, wakil media dan ramai lagi yang hadir bersetuju bahawa konsep Negara ini perlu menjadi asas dalam Pendidikan Kenegaraan yang menjadi fokus dalam silibus modul latihan BTN nanti.

SULIT

Panel juga bersetuju agar penekanan terhadap Rukun Negara diberi keutamaan dalam Pendidikan Kenegaraan ini. Rakyat bukan sahaja perlu memahami dan mematuhi kandungan Rukun Negara tersebut, malah perlu menghayati falsafah yang terkandung disebaliknya.

Menerusi penjenamaan semula ini juga, pendekatan yang akan digunakan oleh BTN juga akan dipelbagaikan. Bukan sahaja melibatkan program berbentuk kursus dan seminar, malah Pendidikan Kenegaraan ini juga akan diperluaskan dalam pelbagai bentuk yang lebih mudah diterima masyarakat luar khususnya generasi muda.

Sungguhpun begitu, BTN akan terus memastikan proses penjenamaan semula ini masih memberi fokus kepada elemen-elemen patriotisme termasuklah menjadikannya sebahagian daripada modul latihan. BTN tidak mengambil mudah akan insiden yang diutarakan malah akan bergerak ke medium penyampaian yang pelbagai untuk meningkatkan capaian Pendidikan Kenegaraan ini kepada pelbagai lapisan masyarakat di luar sana.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI IRMOHIZAM
BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

SOALAN : 82

YB Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji minimum kakitangan awam selaras dengan kadar kenaikan kos sara hidup masa kini di mana kadar kenaikan gaji tahunan dikatakan tidak seimbang, sehingga ramai, khususnya kumpulan penjawat awam rendah terpaksa bergelut dengan keadaan semasa.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menangani kenaikan kos sara hidup yang sedang dihadapi oleh kakitangan awam khususnya penjawat awam dalam Kumpulan Pelaksana, Kerajaan melalui pengumuman Bajet Tahun 2016 telah bersetuju untuk menetapkan Gaji Permulaan Terendah Perkhidmatan Awam kepada RM1,200.00 sebulan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa prihatin akan kesejahteraan penjawat awam terutamanya yang melibatkan kenaikan kos sara hidup. Namun, kajian serta semakan yang dijalankan ke atas saraan penjawat awam adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI IRMOHIZAM
BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

SOALAN : 83

YB Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah SPR akan mengkaji untuk meneruskan pelantikan baharu bagi jawatan penolong daftar pemilih dalam kalangan wakil politik untuk mendaftar pengundi baharu memandangkan masih terdapat sekitar 4 juta rakyat Malaysia berumur 21 tahun masih belum berdaftar sebagai pengundi.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menghentikan pelantikan semula/baru Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Parti Politik) bermula pada tahun 2013. Ini bagi membolehkan SPR mengkaji dan menyelaras secara menyeluruh kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan urusan pendaftaran pemilih berkaitan Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Parti Politik). Sehubungan itu, pada bulan September 2015, SPR telah memutuskan bahawa tiada keperluan untuk meneruskan pelantikan baru Penolong Pendaftar Pemilih tersebut.

Oleh yang demikian, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kaunter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh SPR untuk menarik lebih ramai warganegara untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat

SULIT

rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pusat-pusat latihan yang berkaitan.

Selain itu, SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan untuk menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi pengajuran program-program yang berkaitan. SPR juga telah menyediakan risalah-risalah yang berkaitan untuk diedarkan kepada orang ramai dan pemakluman melalui media elektronik bagi memberi penjelasan mengenai urusan pendaftaran pemilih yang dilaksanakan oleh SPR.

SPR telah mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang/*outreach*. SPR telah mula menjalankan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak (*mobile*) dengan menggunakan kenderaan karavan. Dengan adanya kemudahan karavan tersebut, ia akan memberi peluang kepada SPR untuk menjalankan program turun padang/*outreach* dengan lebih agresif dan seterusnya memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih.

Sekian. Terima kasih.